

FUSIX TABLET 40MG

FRUSEMIDE TABLET 40MG

- Apakah yang ada pada risalah ini
1. Apakah kegunaan Fusix Tablet
 2. Bagaimana Fusix Berfungsi
 3. Sebelum mengambil Fusix Tablet
 4. Cara menggunakan Fusix Tablet
 5. Semasa menggunakan Fusix Tablet
 6. Kesan-kesan sampingan
 7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan
 8. Maklumat lanjut
 9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
 10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Fusix Tablet

Frusemide digunakan untuk rawatan edema. Ia juga digunakan dalam rawatan tekanan darah tinggi(ringan ke sederhana), biasanya digabungkan dengan ejen-ejen antihipertensi yang lain.

Bagaimana Fusix Berfungsi

Frusemide membantu buah pinggang anda untuk menyingkirkan air yang berlebihan yang tidak diperlukan di dalam badan anda.

Sebelum mengambil Fusix Tablet

Bila tidak boleh mengambil

- Frusemide tidak digalakkan untuk pesakit anuria (kegagalan menghasilkan kencing).
- Rawatan Frusemide perlu dihentikan jika keadaan azotemia (kehadiran sebatian bernitrogen dalam darah yang berlebihan) dan/atau oliguria (pengeluaran air kencing kurang dari normal) menjadi teruk semasa rawatan masalah buah pinggang yang teruk dan progresif.
- Bagi pesakit dengan masalah hati atau kekurangan elektrolit, terapi tidak boleh dimulakan sehingga keadaan asas diperbaiki atau diperbetulkan.
- Frusemide juga tidak digalakkan bagi pesakit yang ada hipersensitiviti terhadap frusemide dan sulphonamides.

Sebelum mula mengambil

Sila dapatkan nasihat doktor jika anda mengalami masalah berikut sebelum anda mengambil Fusix Tablet:

- Anda ada alahan dengan frusemide.
- Anda mempunyai tekanan darah rendah.
- Anda mengalami kegagalan buah pinggang yang teruk
- Mempunyai sirosis hati (dengan tanda letih, lemah, pengekalan air, atau rasa sakit, kehilangan berat badan atau selera makan, kekuningan kulit atau mata, gatal-gatal).
- Anda mempunyai apa-apa gangguan bahan kimia badan (ini boleh membuat anda berasa lemah, bersikap tidak peduli atau mempunyai kekejangan otot).
- Anda tidak mengeluarkan air kencing.
- Anda mempunyai keracunan digitalis (dengan tanda rasa sakit atau sedang sakit atau tahap kalium darah tinggi, denyutan jantung yang lambat, cepat atau tidak teratur).

Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doktor/ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat seperti senarai di bawah,ini kerana ada di antara ubat berkenaan mungkin akan bertindak balas dengan Fusix Tablet. Doktor/ahli farmasi akan mempunyai maklumat lanjut tentang ubatan yang bertindak balas dengan anda.

- Ubat untuk tekanan darah tinggi, seperti *ACE inhibitor*.
- Ubat anti-radang bukan steroid (*NSAID*) seperti ibuprofen atau *naproxen*.
- kortikosteroid digunakan untuk merawat reaksi alahan.

- Antibiotik,interaksi ini boleh memberi kesan kepada buah pinggang atau telinga anda (contohnya *cephalothin, gentamicin, vancomycin*).
- litium untuk kemurungan atau mania.

Cara menggunakan Fusix Tablet

Berapa banyak harus diambil

Dalam rawatan edema, dos biasa ialah 40 mg sekali sehari melalui mulut dan diselaraskan mengikut tindak balas.

Bagi kes-kes ringan ,biasanya dos sebanyak 20 mg setiap hari atau 40 mg selang sehari akan diberikan.

Sesetengah pesakit yang mungkin memerlukan dos 80 mg atau lebih setiap hari boleh diberikan dalam satu atau dua dos setiap hari, atau berselang.

Kes-kes yang teruk mungkin memerlukan pentitratan dos frusemide secara beransur-ansur sehingga 600 mg setiap hari.

Jika perlu peningkatan sebanyak 20mg untuk dos seterusnya dibenarkan tetapi ia tidak boleh diberikan lebih kerap daripada 2 jam.

Bagi kanak-kanak, dos biasa melalui mulut adalah 1 hingga 3 mg bagi setiap kg berat badan setiap hari sehingga maksimum 40 mg setiap hari.

Dalam rawatan tekanan darah tinggi, frusemide diberikan dalam dos 40 hingga 80 mg setiap hari, sama ada bersendirian atau bersama-sama dengan ejen-ejen antihipertensi yang lain.

Terapi dos tinggi.

Pesakit yang tidak bertindak balas kepada dos 1 g mungkin memerlukan dialisis.

FUSIX TABLET 40MG

FRUSEMIDE TABLET 40MG

Jika salah satu kaedah pengawalan memuaskan, dos tersebut (sehingga 1 g) boleh diulangi setiap 24 jam. Doktor akan membuat pelarasan pemberian ubat berdasarkan tindak balas anda.

Bagi setiap 250mg suntikan boleh diganti dengan 500mg secara oral.

Dalam rawatan masalah buah pinggang kronik, dos permulaan 250 mg boleh diberikan secara oral.

Jika perlu ditingkatkan sebanyak 250 mg setiap 4 hingga 6 jam untuk maksimum 1.5 g dalam 24 jam; dalam kes-kes yang luar biasa boleh diberikan sehingga 2.0 g dalam masa 24 jam.

Doktor akan membuat pelarasan pemberian ubat berdasarkan tindak balas anda.

Semasa rawatan Frusemide dengan dos tinggi, kawalan makmal adalah penting.

Tekanan darah dan isipadu darah dalam badan untuk pesakit dengan kejutan perlu dibetulkan dahulu sebelum rawatan ini boleh dimulakan.

Dos tinggi frusemide tidak boleh digunakan dalam kegagalan buah pinggang yang disebabkan oleh ejen nefrotosik atau hepatotoksik dan kegagalan buah pinggang yang berkaitan dengan koma hati.

Bila perlu diambil

Sekali sehari melalui mulut dan diselaraskan mengikut tindak balas pesakit. Ubat harus ditelan terus dan diambil bersama segelas air.

Ini hanya cadangan dos, bagi dos sebenar sila sentiasa merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

Patuhi nasihat doktor.

Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal dengan segera sebaik saja anda ingat, jika hampir dengan dos seterusnya, tinggalkan dos yang tertinggal dan teruskan dengan dos berikutnya.

Jangan ambil lebih daripada dos yang dibenarkan.

Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Terlebih dos Frusemide akan menyebabkan kekurangan cecair dan garam selepas *diuresis* (peningkatan dalam pengeluaran air kencing).

Bantuan perubatan perlu dipanggil tanpa berlengah-lengah untuk memastikan air dan elektrolit badan dipulihkan.

Semasa menggunakan Fusix Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

Iikut nasihat doktor.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil tanpa nasihat doktor. Jangan memberikan ubat berkenaan kepada orang lain yang mengalami masalah sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Frusemide tidak boleh diberikan kepada pesakit yang mengalami masalah penghasilan air kencing (anuria).
- Frusemide tidak boleh diberikan kepada pesakit yang mengalami kerosakan buah pinggang yang disebabkan oleh ubat *nephrotoxic* (kerosakan buah pinggang disebabkan termakan bahan-bahan bertoksid) atau *hepatotoxic* (kerosakan hati disebabkan oleh termakan bahan-bahan bertoksid) serta ubatan dan kerosakan buah pinggang yang dikaitkan dengan *hepatic coma* (hilang kesedaran akibat kegagalan hati).
- Frusemide tidak boleh diberikan pada peringkat awal koma yang disebabkan kerosakan hati (*hepatic cirrhosis*).

- Digunakan dengan berhati-hati dalam pesakit yang mengalami *Prostatic hypertrophy*- pembesaran kelenjar prostat.

- Pesakit yang sudah mempunyai masalah pengurangan kencing perlu menggunakan Fusix dengan berhati-hati kerana ia boleh menyebabkan retensi air kencing secara akut.

- Frusemide harus digunakan dengan berhati-hati semasa hamil.

- Tidak digalakkan untuk ibu-ibu yang menyusu.

Kesan-kesan Sampingan

Kesan-kesan sampingan yang biasa berlaku ialah ketidakseimbangan cecair dan elektrolit serta masalah reaksi hipersensitiviti dan kulit yang pernah dilaporkan merangkumi kemerahan, kegatalan, dermatitis dan kulit mengelupas.

Frusemide akan menyebabkan *hyperuricaemia* (kandungan asid urik yang tinggi dalam darah) dan gout.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Penyimpanan

Simpan pil pada suhu kurang daripada 25°C. Jauhkan daripada suhu panas, cahaya dan kelembapan serta JAUHKAN DARIPADA KANAK-KANAK.

FUSIX TABLET 40MG

FRUSEMIDE TABLET 40MG

Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran.

Maklumat Lanjut

Rupa dan Warna Fusix Tablet

Putih atau keputih-putihan, bulat, rata dan mempunyai garis putus pada satu permukaan pil.

Bahan-bahan Kandungan

Bahan aktif yang digunakan ialah Frusemide BP 40 mg dan bahan tidak aktif ialah *Lactose, Purified Talc, Corn starch, Magnesium Stearate*.

No.MAL: MAL19991894A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

SM PHARMACEUTICALS
SDN.BHD(218628-M)
Lot 88,Sungai Petani Industrial Estate
08000,Sungai Petani
Kedah Darul Aman,Malaysia

Tarikh Kemaskini: 23.09.2014

Nombor Siri:

BPFK (R4/1)100914/00011